Jurnal Komunikasi, Jilid 13 & 14, 1997 m.s.: 127-135

Mus Chairil Samani

Menyorot yang disorot

Pengenalan

Menyorot yang disorot mungkin mencetuskan tanda tanya di fikiran anda tentang apa yang hendak disampaikan dalam tulisn ini. Tajuk ini lebih mudah dicapai maksudnya jika menggunakan tajuk alternatif iaitu mengulas ulasan buku. Namun begitu, tajuk alternatif tidak menimbulkan minat untuk khalayak mengetahui atau mengikuti perbincangan tentangnya. Begitu juga sebuah buku yang mempunyai tajuk hambar tidak mungkin menarik perhatian orang untuk membacanya.

Tajuk yang sempurna pembentukannya memberitahu pembaca secara langsung kandungan atau temanya. Kesan ini boleh diperolehi apabila membaca tajuk buku klasik tulisan Adler dan Van Doren (1940) berjudul *How to read a book*. Setelah tertarik dengan tajuk buku itu dan membaca kandungannya barulah boleh memberi nilai kepada tulisan itu. Seseorang akan bertanya, "apakah berbaloi masa yang dihabiskan membaca buku (tulisan) itu?" Kita mungkin menjawab, "sudah tentu, tak pernah terfikir pula perkara itu sebelum ini" ataupun "buang masa sahaja dan blah, blah, blah (dan sumpah saranah yang lain)."

Kita dapat mengelakkan keadaan kedua itu jika kita mempunyai "pembantu" untuk memantau semua tulisan bagi pihak kita. Dengan bertimbunnya penerbitan diterbitkan setiap tahun di seluruh dunia, kita tidak mampu, tidak berpeluang, dan tidak ada masa untuk membaca semuanya. Kita terpaksa memilih. Memilih yang terbaik sahaja untuk dibaca. Begitulah kira-kiranya.

Dalam hal ini pengulas "profesional" itu amat penting. Pengulas buku mungkin tidak menganggap diri mereka sebagai profesional. Mereka ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti dan mencakar timbunan terbitan untuk memilih buku terbaik sahaja. Buku yang tidak berkualiti jarang sekali mendapat ulasan. Namun ini tidak bererti perkara ini tidak pernah berlaku. Sudah banyak penulis yang berdesing telinganya membaca ulasan kritikal tetapi penuh membina. Ulasan kritikal harus ditelan umpama ubat pahit. Ubat ini kelak mengajar kita supaya lebih berhati-hati dengan apa yang ditulis.

Apabila sesuatu judul buku itu diulas dengan sempurna, semua pihak mendapat faedahnya. Kalau buku itu teks ilmiah, penyelidik mengetahui nilai karya itu dalam konteks buku-buku dalam judul serupa. Sarjana lain dapat mengemaskinikan ilmunya dengan terbitan baru itu. Penulis juga dapat mengetahui kelebihan dan kekurangannya. Penerbit juga dapat menelah kadar pulangan judul itu di pasaran.

Oleh itu, suatu sorotan buku yang baik - lebih-lebih lagi bagi buku akademik - perlu melakukan salah satu atau kesemua perkara berikut:

- Menghakimi nilai buku itu dalam konteks bukubuku dalam judul serupa
- Memaklumkan khalayak sasaran yang "mesti" membaca tulisan itu
- Memberikan cadangan untuk membaiki tulisan itu
- Mengesan sebarang kekuatan atau kelemahan yang mungkin wujud

Objektif

Ulasan buku sememangnya sinonim dengan jurnal akademik. Malah, jurnal itu dikatakan tidak lengkap sekiranya ia tidak mengandungi bahagian ulasan buku. Tulisan ini hanya meneliti ulasan buku dalam bentuk bercetak dan mengenepikan analisis terhadap buku-buku dalam bentukbentuk lain.

Buku, dalam konteks penerbitan, tidak hanya terhad kepada bentuk buku bercetak sahaja tetapi meliputi bentukbentuk lain. "Buku" kini ada yang diterbitkan dalam bentuk pita video. Arah aliran ini diambil kira apabila jurnal akademik di Barat mewujudkan bahagian khusus untuk

membicarakan buku-buku bentuk ini. Penerbitan buku kini telah memasuki era digital dengan kelahiran buku dalam bentuk CD-ROM dan dengan berkembangnya jaringan komputer sedunia, buku boleh diterbitkan oleh sesiapa sahaja. Mereka tidak lagi memerlukan penerbit untuk menerbitkannya dan khalayaknya boleh menjangkau ke seluruh dunia.

Secara khususnya, kertas kerja ini melihat pendekatan yang digunakan oleh empat buah jurnal dalam penyiaran ulasan buku, dua dari Amerika Syarikat dan dua lagi dari rantau Asia Tenggara. Jurnal yang diteliti ialah Journalism and Mass Communication Quarterly (JMCQ, sebelum ini diterbitkan sebagai Journalism Quarterly), Journalism and Mass Communication Educator (JMCE), Journal of Development Communication (JDC) dan Media Asia (MA).

Dua jurnal pertama diterbitkan oleh Association for Educators in Journalism and Mass Communication (AEJMC) di Amerika Syarikat sementara jurnal ketiga diterbitkan oleh Asian Institute for Development Communication (AIDCOM) di Malaysia dan yang terakhir diterbitkan oleh Asia Mass Communication Research and Information Centre di Singapura.

Dua persoalan asas yang diberi kupasan ialah:

- 1. Pendekatan jurnal ilmiah ini dalam menyiarkan sorotan buku?
- 2. Dasar bertulis jurnal ilmiah ini dalam menyiarkan sorotan buku?

Analisis

Untuk menjawab kedua-dua persoalan ini, terbitan sorotan buku di keeempat-empat jurnal ini untuk sepanjang tahun 1995 telah dipilih secara bertujuan. Kecuali JDC yang hanya menerbitkan dua keluaran sahaja pada tahun tersebut, ketigatiga jurnal lagi telah diterbitkan sebanyak empat keluaran pada tahun yang dikaji.

Jadual 1-4 menunjukkan jumlah ulasan buku yang telah disiarkan oleh setiap jurnal yang diteliti.

JADUAL 1. Jumlah ulasan buku yang	Jilid	Jumlah halaman jurnal	Bilangan halaman untuk ulasan	Jumlah buku yang diulas		
diterbitkan JMCQ	72 (1)	264	28	25	10.60	
	72 (2)	227	27	26	11.89	
pada tahun		269	25	22		
1995	72 (3)				09.29	
	72 (4)	231	20	19	08.65	
	Jumlah	991	100	92	(10.12)	
	2102 - 22	L (61.3)	Section 2	T	A ST DEFE	
JADUAL 2. Jumlah	Jilid	Jumlah	Bilangan	Jumlah buku	Peratusan	8
ulasan	2 23.5.22	halaman	halaman	yang diulas	halaman	
buku yang		jurnal	untuk ulasan		untuk ulasan	
diterbitkan	50 (1)	112	09	11	08.04	-
oleh JMCE	50 (2)	096	09	11	09.37	
pada tahun	50 (2)	110	15	13	13.64	
1995		100000000000000000000000000000000000000		-		
	50 (4)	119	09	07	07.56	
	Jumlah	437	42	42	(9.65)	
					610 July 11	-
JADUAL 3.	Jilid	Jumlah	Bilangan	Jumlah buku	Peratusan	
Jumlah		halaman	halaman	yang diulas	halaman	
ulasan buku yang	2	jurnal	untuk ulasan		untuk ulasan	
diterbitkan	22 (1)	(0	2	2	2.22	_
oleh MA	22 (1)	60	2	2	3.33	
pada tahun	22 (2)	60	1	1 1111	1.67	
1995	22 (3)	60	2	2	3.33	
	22 (4)	60	3	2	5.00	
	Jumlah	240	8	7	(3.33)	
JADUAL 4. Jumlah	Jilid	Jumlah	Bilangan	Jumlah buku	Peratusan	
ulasan		halaman	halaman	yang diulas	halaman	
		jurnal	untuk ulasan		untuk ulasan	
buku yang		jaritar	arreas anabarr	أحالم ليتحب والألوث	and diabalt	
diterbitkan	6 (1)	96	4	2	4.12	
oleh JDC	6 (2)	90	2	1	2.22	
pada tahun	Jumlah	186	6	3		
1995	Juiillail	100	0	atti s	(3.17)	
						-

Jurnal JMCQ didapati menerbitkan paling banyak ulasan buku dengan purata 23 judul buku setiap keluaran, diikuti oleh jurnal JMCE dengan 10.5 buku setiap keluaran. JDC menerbitkan 1.5 judul buku setiap keluaran sementara MA menerbitkan 1.75 judul buku setiap keluaran. Begitu juga dari segi peratusan ruang, JMCQ masih lagi pertama dari segi jumlah ruang yang diuntukkannya untuk ulasan buku. Jurnal ini menguntukkan 10.1 peratus, diikuti oleh JMCE 9.65 peratus, MA 3.33 peratus dan JDC 3.17 peratus. (Jadual 5)

Judul	nalaman	Jumlah judul buku yang diulas	halaman untuk ulasan	halaman untuk ulasan
Journalism				
and Mass				
Communication				
Quarterly			k de lifti Al-M	
(Vol. 72, 4 keluaran)	991	92	100	
nar o Ma				
Journalism				
and Mass				
Communication Educator				
(Vol. 50, 4 keluaran)				
peratus				
Media Asia				
(Vol. 22, 4 keluaran) peratus	240	7	8	3.33
The Journal of				
Development				
Communication		3		
(Vol. 6, 2 keluaran)	186	3		3.17

JADUAL 5. Ulasan buku yang diterbitkan oleh empat jurnal akademik sepanjang tahun 1995

Dasar jurnal

Setiap jurnal mempunyai dasar bertulis yang jelas menetapkan syarat-syarat dan perkara-perkara yang perlu ditimbangkan dalam menghantar ulasan buku kepada sesuatu jurnal itu. Sebagai contoh *Journalism and Mass Communication Quarterly* mempunyai dasar yang panjang lebar berhubung dengan ulasan buku. Dasar itu tercatat seperti berikut:

The Quarterly reviews recent book of general interest to scholars and practitioners in journalism and mass communication, and to specialists in its many subfields. Except in rare circumstances, we do not review new editions of existing books or books that serve mainly as skills texts. (Journalism Educators reviews mass communication textbooks).

Three types of items are published: (1) essays' longer reviews covering one or more related volumes, including the reviewer's more general comments on the subject area; (2) reviews of single volumes; and (3) an alphabetized listing of New and Notables' books and videotapes.

Reviews are solicited from AEJMC members affiliate with the division(s) most closely related to a book's content. Unsolicited reviews are published at the discretion of the editors, who edit all reviews for length and clarity.

If you know of a book you would like to see reviewed, if you would like to review a book, or if you have any other suggestions or comments regarding the book reviews, please contact Book Review Editors

Dasar Journalism and Mass Communication Educators pula adalah:

Journalism Educator reviews videos and textbooks, especially the books used in large introductory classes taught by many of our readers. In keeping with the journal's mission, we also review books and monographs about college teaching, curriculum, and administration. Space limitations normally restrict textbook reviews to the first edition.

Jika diteliti daripada dasar kedua-dua jurnal ini dalam memilih bahan untuk diterbitkan dapatlah dibuat kesimpulan bahawa telah wujud pemisahan tentang jenis judul yang diterima untuk sorotan. Sorotan yang tidak dijemput seperti juga sorotan pelawaan menghadapi proses suntingan serupa.

Matlamat suntingan ini ialah untuk meringkaskan kandungan sorotan buku itu dan menjelaskan lagi ulasannya. Mungkin sebab ini kesemua jurnal yang dipilih untuk dianalisis hanya memperuntukkan kira-kira lima hingga sepuluh perenggan bagi setiap buku yang diulas.

Journal of Development Communication mempunyai dasar yang lebih luwes dari segi ulasan buku yang diterima dan yang disiarkan. Bersebelahan dengan halaman kandungan jurnal ini dinyatakan dasar untuk bahagian ulasan buku iaitu:

Authors and publishers are welcome to send books and other publications related to development communication for review. Please send two copies.

Apa yang pasti ialah dasar jurnal dalam menyiarkan sesuatu ulasan buku itu penting. Dasarlah yang memisahkan diantara yang boleh daripada yang tidak boleh dan daripada yang halal dan yang haram.

Kesimpulan

Daripada penelitian bertujuan ini, dapatlah disimpulkan bahawa jurnal bertaraf antarabangsa memberikan lebih banyak penekanan kepada ulasan buku berbanding dengan jurnal yang diterbitkan di rantau ini. Mengapakah gejala seumpama ini berlaku. Beberapa perkara yang boleh dirumuskan iaitu:

- Lebih banyak buku diterbitkan setiap tahun di Amerika Syarikat berbanding dengan rantau Asia, khususnya di Asia Tenggara.
- Lebih banyak ahli akademik yang menganggotai persatuan akademik di Amerika Syarikat yang mempunyai tradisi keilmuan dan keilmiahan yang panjang dan mendalam.
- Penilaian yang rendah diberikan untuk ulasan buku kepada ahli akademik dalam institusi pengajian tinggi tempatan apabila membuat ulasan buku.

Walaupun tugasan mengulas buku bukannya bersifat mudah tetapi penilaian rendah dalam skim perkhidmatan

menyebabkan mereka tidak berminat untuk melakukannya. Mungkinkah mereka ini lebih berminat untuk membuat penyelidikan atau menulis makalah termasuk kertas kerja sebab nilai yang lebih tinggi diberikan.

Namun begitu, ini tidak bererti sorotan buku itu tidak penting. Yang disorot apabila dilakukan dengan baik dapat memisahkan intan daripada batu kerikil. Batu kerikil itu tetap penting tetapi cuma nilainya lebih rendah.

Cadangan

Apa yang boleh dicadangkan daripada penelitian seringkas ini ialah:

- 1. Jurnal di rantau ini harus menambah lebih banyak ruang untuk ulasan buku serta bentuk-bentuk buku lain. Sehingga kini, belum ada terbitan lain seperti terbitan dalam bentuk video diberikan ulasan dalam jurnal di rantau ini. Mengapa gejala ini berlaku, mungkin disebabkan tidak ada buku berbentuk video yang diterbitkan dalam bidang kewartawanan dan komunikasi massa di rantau sebelah sini.
- Penerbit buku digalakkan menghantar satu salinan buku akademik terbarunya kepada jurnal dalam aliran akademik itu supaya ulasan buku boleh dilakukan.
 Penghantaran buku ilmiah kepada media massa mungkin sesuai untuk mendapat ulasan dari segi komersil tetapi ulasan dalam jurnal lebih bersifat ilmiah.
- 3. Nilai yang lebih tinggi harus diberikan kepada ulasan buku dalam skim perkhidmatan di universiti. Nilai tinggi untuk ulasan buku merupakan pengiktirafan kepada kerja yang dihasilkan. Perkara ini mungkin mendapat tentangan daripada sesetengah pihak sebab mereka mungkin terdorong untuk mengatakan ahli akademik harus menyintai ilmu dan tidak sepatutnya memikirkan ganjaran.

Men	vorot	vana	disorot

monyolot yang dibblot	
Penulis adalah ahli akademik di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia	Penulis
Adler, Mortimer J. dan Van Doren, Charlers. 1940. How to read a book: The classic guide to intelligent reading. New York. Touchstone Book.	Rujukan
Journalism and Mass Communication Quarterly. 1995.	
Journalism and Mass Communication Educator. 1995.	
Journal of Development Communication. 1995.	
Media Asia. 1995.	